



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA**
BERITA PERIKANAN HARI INI

2 Mac 2022
28 Rejab 1443H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	• Teluk Intan lubuk udang galah
Berita Harian	•
Harian Metro	• •
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (Kuching)	•
The Sun	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA	<input checked="" type="checkbox"/>	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			
								32	21/3/2022

um M/S 32 21/3/2022

Teluk Intan lubuk udang galah

TELUK INTAN: Perairan Sungai Perak di sini yang menjadi lubuk udang galah menjadi tumpuan kaki pancing saban minggu dan cuti umum.

Ketua komuniti perikanan di sini, Sayed Azman Sayed Ahmad, 52, berkata, sungai di daerah ini sememangnya terkenal dengan habitat udang galah sehingga menjadi tumpuan kaki pancing dari luar daerah dan negeri ini.

Menurutnya, kehadiran pemancing luar bertambah pada hujung minggu dan cuti umum untuk merasai pengalaman menarik umpan yang dimakan udang galah.

Biasanya pengunjung akan

ke Jeti Dataran JPS di sini yang sinonim sebagai lokasi permulaan untuk menyusuri sungai menaiki bot sebelum memancing udang galah di lokasi yang menjadi lubuk udang.

“Di sini, pemancing boleh menyewa bot untuk memancing. Terdapat kira-kira 500 bot sewa yang disediakan dengan kadar RM50, RM80 hingga RM280 bergantung kepada jumlah penumpang.

“Pemancing juga boleh menikmati juadah di sebuah restoran di sini.

“Biasanya pemancing jarang hampa jika memancing di sini, hasil udang yang dipancing memuaskan hati,” katanya ketika

ditemui *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, kawasan di sini menjadi lubuk udang kerana kualiti airnya sesuai untuk hidupan tersebut membiak. Tambahan pula, Jabatan Perikanan Perak melepaskan benih udang galah di perairan Sungai Perak.

Sementara itu, seorang pemancing, Sayed Faizal Sayed Ahmad, 46, berkata, memancing di sini jarang menghamparkannya apabila sering beroleh hasil yang memuaskan. Biasanya setiap kali turun memancing di sini, dia membawa pulang kira-kira 20 ekor udang galah sepit biru bersaiz besar. “Udang di perairan di sini bersaiz besar dan rasanya sedap,” ujarnya.



SAYED Azman Sayed Ahmad menunjukkan udang galah yang diperoleh di Sungai Perak bersama nelayan yang lain selepas balik daripada memancing di Teluk Intan semalam. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN